

K.P.U. 27.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
(Aktu 333)
PERINTAH (TEMPAT-TEMPAT LETAK KERETA)
KERETA-KERETA BERJENTERA, MAJLIS DAERAH
KULIM, 1989

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 72 dalam Akta Pengangkutan Jalan, 1987, Majlis Daerah Kulim dengan persetujuan Menteri adalah dengan ini membuat perintah yang berikut:—

Tajuk

1. Perintah ini dinamakan Perintah (Tempat-tempat Letak Kereta) Kereta-kereta Berjentera, Majlis Daerah Kulim, 1989 dan hendaklah berjalankuatkasanya pada 1 Januari 1990.

Tafsiran

2. Di dalam perintah ini, melainkan kandungan ayatnya mengandungi makna yang lain:

- (a) Pegawai yang diberi kuasa ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua untuk melaksanakan Perintah ini dan termasuk pegawai Polis.
- (b) "Tempat Letak kereta Sepanjang Hari" ertinya tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang tiga jadual bersama ini di mana sebuah kereta motor boleh diletak selama sehari apabila dibayar bayaran yang ditetapkan bagi tempat letak kereta itu.
- (c) "Kereta Motor" termasuklah mana-mana kenderaan sama ada bermotor atau tidak bermotor.
- (d) "Meletak Kereta" termasuklah mana-mana kenderaan sama ada bermotor atau tidak bermotor.
- (e) "Atendan Letak Kereta" ertinya seorang yang dilantik di bawah Seksyen 6(1) dan termasuklah sesiapa yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menyelia mana-mana daripada tempat-tempat letak kereta yang dinyatakan dalam jadual ini dan juga untuk menunggui bayaran-bayaran meletak kereta.
- (f) "Majlis" ertinya Majlis Daerah Kulim.
- (g) "Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim.
- (h) "Bayaran yang ditetapkan" ertinya bayaran yang ditetapkan di dalam jadual.
- (i) "Letak Kereta Mengikut Kira Jam" ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang tiga di dalam jadual ini di mana sebuah kereta motor dibenarkan meletak apabila dibayar bayaran yang ditetapkan.
- (j) "Jam" termasuklah sebahagian daripada satu jam.
- (k) "Tempat Letak Kereta Musim" ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang tiga jadual ini di mana hanya kereta-kereta motor yang telah membeli tiket letak kereta musim baginya boleh diletakkan.

- (l) "Isyarat Lalulintas" termasuklah papantanda amaran isyarat oleh Majlis atau lain-lain pihak berkuasa di atas atau dekat dengan jalan untuk makluman, panduan atau arahan pengguna-pengguna jalan itu.
- (m) "Tiket letak kereta musim" erunya resit rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis menunjukkan nombor pendaftaran kereta motor dan jumlah bayaran yang ditetapkan bagi meletakkan kenderaan itu di suatu tempat letak kereta musim yang dinyatakan bagi suatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam resit itu.
3. (1) Majlis boleh menyebabkan atau membenarkan isyarat-isyarat lalulintas diletakkan di atas atau berdekatan mana-mana jalan di dalam kawasan Majlis Daerah Kulim dan boleh dari semasa ke semasa memperbaiki, mengubah, menakar atau mengalih isyarat lalulintas tersebut.
- (2) Sesiapa memandu atau membawa mana-mana kenderaan dengan tidak mengindahkan atau tidak patuh kepada tanda yang diberi oleh syarat ini adalah melakukan satu kesalahan.
4. (1) Terutuk kepada Perintah Perintah ini bahawa jalan, sepanjang jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang satu Jadual ini hendaklah menjadi tempat-tempat letak kereta bagi kereta-kereta motor.
- (2) Tiada sesiapa pun boleh meletak apa-apa jua kereta di mana-mana tempat pada mana-mana jalan atau sepanjang jalan di mana ada tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis di bawah perenggan kecil (1) ini melainkan di tempat letak kereta yang disediakan.
5. (1) Sesuatu tempat letak kereta boleh dibahagi-bahagikan kepada beberapa petak kereta dan bagi maksud menentukan petak-petak letak kereta itu Majlis hendaklah mengarahkan tiap-tiap satu petak letak kereta itu ditunjukkan dengan garisan bercat putih atau tataan-tataan atau lain-lain tanda.
- (2) Suatu papantanda atau papan kenyataan hendaklah didirikan di tiap-tiap tempat letak kereta dan padanya hendaklah ditampalkan suatu notis mengatakan bayaran-bayaran atau lain-lain kandungan perintah ini.
- (3) Majlis boleh menaikkan atau menurunkan bayaran yang ditetapkan di atas atau pada mana-mana tempat letak kereta atau petak-petak kereta dengan meletakkan papan kenyataan atau lain-lain penunjuk di kawasan letak kereta atau petak letak kereta yang dimaksudkan.

Papan
IsyaratTempat-
tempat
Letak
KeretaPetak-petak
letak kereta
dibundakan

Atendan.

6. (1) Majlis boleh melantik seorang atau lebih atendan letak kereta untuk bertugas di suatu tempat letak kereta.

(2) Tiada seorang melainkan atendan-atendan letak kereta yang dilantik oleh atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengutip mana-mana bayaran atau wang daripada mana-mana pemandu atau tuan punya kereta motor bagi kegunaan mana-mana petak letak kereta.

Cara-cara
meletak
kereta.

7. (1) Sesebuah kereta motor hendaklah diletak di dalam petak yang diuntukkan kepadanya dan seperti yang ditunjukkan oleh tanda-tanda di situ atau seperti yang diarahkan oleh Yang Dipertua, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau atendan letak kereta.

(2) Tiada sesiapa pun boleh meletak kereta di dalam petak letak kereta melintangi di mana-mana garisan yang menandakan petak letak kereta itu atau dengan cara kedudukan sedemikian bahawa kereta tersebut tidak sebenar-benarnya di dalam kawasan yang ditandakan sebagai petak letak kereta.

(3) Seseorang yang meletak kereta di dalam petak letak kereta hendaklah tertakluk kepada peruntukan perenggan kecil (1) di atas meletak keretanya selagi garisan-garisan yang menandakan petak kereta itu membenarkan di dalam keadaan yang tertentu supaya menyebabkan kereta itu menghadap ke arah lalulintas dan akan patuh kepada dan menurut segala tanda isyarat yang ditunjukkan di tempat letak kereta itu.

(4) Jika mana-mana motor yang diletak di petak letak kereta melanggar peruntukan-peruntukan di atas, Yang Dipertua, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau atendan letak kereta boleh mengubah atau menyebabkan diubah kedudukan kereta itu supaya mematuhi peruntukan-peruntukan ini, dan pemandu atau orang yang menjaga kereta itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau atendan letak kereta supaya mematuhi peruntukan dalam perintah ini.

8. (1) (a) Sesiapa jua yang mengguna sesuatu tempat letak kereta pada masa-masa yang dinyatakan dalam jadual bersama ini hendaklah mematuhi segala arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberi padanya oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas di tempat letak kereta itu hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan itu sesudah sahaja kereta itu diletakkan dengan menyerahkan wang kepada atendan letak kereta yang bertugas yang hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi dan atas resit itu hendaklah ditulis nombor pendaftaran Kereta motor itu, jumlah yang dibayar, tarikh dan masanya kereta motor itu dibenarkan diletakkan di tempat letak kereta itu.

(b) Atendan Letak kereta itu hendaklah kemudiannya menampalkan satu salinan resit itu pada cermin depan atau mana-mana bahagian kereta motor itu yang mudah dilihat.

(2) Sesiapa jua yang menggunakan suatu tempat letak kereta sepanjang hari atau suatu tempat letak kereta musim bagi sesebuah kereta motor hendaklah mematuhi segala arahan yang sah di sisi Undang-undang yang diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas di tempat letak kereta itu dan sesudah sahaja kereta motor itu diletak.

- (a) Jika suatu tempat letak kereta sepanjang hari hendaklah membayar bayarannya yang ditetapkan kepada atendan letak kereta yang bertugas yang hendaklah mengeluarkan satu resit rasmi dan atas resit rasmi itu hendaklah dituliskan Nombor pendaftaran kereta itu, jumlah yang dibayar dan hari mengenai pembayaran itu dibuat; atau
- (b) Jika mengenai suatu tempat letak kereta musim, hendaklah meletakkan pada cermin depan tiket letak kereta musim mengenai kereta yang diletakkan itu.

9. Tiada sesiapa pun boleh:

(1) Meletak atau menyebabkan atau membenarkan meletak mana-mana kereta motor di mana-mana tempat letak kereta di mana seorang atendan letak kereta ada bertugas di situ melainkan jika ia telah mendapatkan resit daripada atendan letak kereta yang menunjukkan pembayaran itu telah dibuat.

Larangan
meletak
kereta tanpa
bayaran.

(2) Terus meletakkan atau menyebabkan atau membenarkan terus diletak mana-mana kereta motor di dalam suatu petak letak kereta selepas tamat tempoh yang mana kereta motor itu dibenarkan diletak dalam petak letak kereta itu sebagaimana dinyatakan dalam resit rasmi yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta.

10. (1) Jika sesebuah kereta motor diletakkan dengan melanggar perintah kecil (1) dan (2) perintah 9 di atas maka adalah menjadi kewajipan atendan letak kereta itu mengeluarkan suatu peringatan maklumat yang dikehendaki ditampal pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kereta motor itu yang mudah dilihat meminta pemandu kereta motor itu membayar bayaran letak kereta itu sebelum tamat tempoh 7 hari dari tarikh peringatan maklumat itu dan jika ingkar, bayaran tambahan akan dikenakan.

Peringatan
maklumat.

(2) Peringatan maklumat itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:—

- (a) Nombor Pendaftaran Kereta Motor itu.
- (b) Tarikh dikeluarkan.
- (c) Masa dikeluarkan.
- (d) Bayaran yang dikenakan.
- (e) Tempat Letak Kereta atau Nombor Petak Letak Kereta.

(3) Jika kereta motor yang telah dikeluarkan peringatan makluman masih terletak di dalam petak letak kereta selepas tamat tempoh dari masa dikeluarkan peringatan makluman yang terdahulu itu, maka atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan satu lagi peringatan makluman.

(4) Jika pemandu kereta motor itu enggan mengeluarkan keretanya dari petak letak kereta selepas dua peringatan makluman dikeluarkan kepadanya, Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau atendan letak kereta boleh menghalang kereta itu daripada dibawa keluar atau ubah daripada petak letak kereta itu.

Surcaj

11. Sesiapa yang melanggar Perintah 9 atau Perintah 10 dalam Perintah ini hendaklah, apabila diberitahu oleh Majlis dengan beratus tentang langgaran Perintah ini membayar kepada Majlis dalam tempoh (7) hari dari tarikh Notis dan di tempat yang dinyatakan di dalamnya bayaran Surcaj sebanyak lima ringgit bagi tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya kereta motor itu dikhaskan di tempat letak kereta tanpa membuat bayaran yang ditetapkan. Dengan syarat bahawa bayaran Surcaj itu hendaklah tidak melebihi lima puluh ringgit pada mana-mana satu ketika dan boleh dibayar kepada atendan letak kereta yang bertugas atau kepada pejabat Majlis Daerah Kulim yang mana satu resit rasmi akan dikeluarkan kepadanya.

Dan dengan syarat bahawa Perintah ini tidak terpakai jika orang yang melanggar perintah-perintah 9 dan 10 itu membayar, tidak lewat dari (7) hari dari tarikh berlakunya langgaran itu dibawa ke pengetahuannya, pada atendan letak kereta yang bertugas atau kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim bayaran yang ditetapkan bagi mana-mana tempoh kereta motor itu telah diletakkan melebihi daripada tempoh yang dinyatakan dalam resit yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta.

Hukuman kerana tidak membayar surcaj.

12. Sesiapa yang menjaga kereta motor yang terletak dalam petak letak kereta dan gagal membayar surcaj sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah 11 dalam masa yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah perintah ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seratus ringgit dan selain dari itu hendaklah membayar mana bayaran surcaj yang tidak melebihi lima puluh ringgit.

Sekatan terhadap meletak kereta kali kedua dengan mengguna resit asal.

13. (1) Seseorang itu boleh mengalihkan kereta motornya dari satu petak letak kereta sebelum tamat tempoh yang dikenakan bagi meletakkan kereta motor itu dan berhak meletak kereta motor itu dalam mana-mana petak letak kereta yang lain yang kadarnya tidak kurang dari bayaran asal dan ia masih mempunyai resit asal yang mana hendaklah ditunjukkan kepada atendan letak kereta atau ditampal di cermin kereta atau mana-mana bahagian kereta yang mudah dilihat. Perintah 7 hingga 9 dalam Perintah ini hendaklah dipatuhi.

(2) Peruntukan perintah kecil (1) tidaklah dipakai bagi pemegang tiket letak kereta musim yang sah yang membenarkan pemegangnya meletakkan kereta motor itu di tempat kereta motor musim.

14. Tiada kenderaan boleh ditarik, dipandu atau ditolak di dalam satu tempat letak kereta kecuali dengan cara yang teratur dan cermat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan kenderaan-kenderaan lain dan orang-orang di dalam tempat letak kereta itu. Keselamatan kereta am.

15. Tiada kereta motor boleh diunggalkan dengan tidak bertunggu melainkan kereta motor itu tidak dapat bergerak dengan digunakan brek atau dengan cara lain yang mencukupi. Kereta-kereta tidak bertunggu.

16. (1) Majlis boleh menggantung penggunaan sesuatu tempat atau petak letak kereta bila-bila masa diinkirakan pengantungan itu adalah menasabah atau perlu. Penggantungan tempat letak kereta dan sebagainya.

(2) Bagi sesuatu pengantungan, Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa atau atendan letak kereta hendaklah menampalkan satu notis tertentu di petak berkenaan atau dekat dengannya.

(3) Seseorang yang meletakkan keretanya di dalam mana-mana tempat letak kereta dalam mana-mana petak atau tempat letak kereta yang digantung itu adalah melakukan satu kesalahan.

17. (1) Perintah ini tidaklah dipakai bagi: Pengecualian.

- (a) Mana-mana ambulan atau mana-mana kereta bomba atau mana-mana kenderaan yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, polis atau pejabat pos.
- (b) Mana-mana kenderaan yang digunakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan Perkhidmatan Awam.
- (c) Sesebuah kenderaan yang telah diarahkan ke suatu petak letak kereta oleh Pegawai Polis beruniform atau mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa yang sedang menjalankan tugas.

(2) Mana-mana kenderaan lain boleh menunggu di dalam kawasan letak kereta selain daripada di dalam petak letak kereta yang diperuntukkan melainkan:

- (a) Kenderaan itu sedang menunggu untuk membolehkan seseorang naik atau turun daripada kenderaan itu sahaja; atau
- (b) Kenderaan itu adalah kenderaan barangan yang sedang punggah-memunggah barang-barang atau dagangan di premis yang dekat atau berhampiran.

- (c) Walaupun taksiran kepada "kereta motor" dan peruntukan-peruntukan perintah kecil 2(b) di atas suatu kenderaan barangan boleh menggunakan petak atau petak-petak letak kereta bagi tujuan punggah-memunggah barang-barang atau dagangan-dagangan dengan segera sahaja dan asalkan pemandunya berada di tempat duduk pemandu: dengan syarat seterusnya bahawa kenderaan itu tidak boleh menunggu lebih lama daripada tujuan tersebut dan tertakluk kepada pembayaran bayaran yang dipertetapkan.

(3) Tiada seorang boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletakkan di dalam mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta mana-mana kereta motor yang mempunyai muatan tempat duduk yang melebihi orang termasuk pemandunya atau sebuah bas sekolah atau kereta sekolah yang mempunyai muatan tempat duduk yang tidak melebihi daripada 20 murid sekolah, atau mana-mana kenderaan barangan yang melebihi 50 c.w.t. tanpa muatan, kenderaan pengangkutan awam, kereta-kereta sewa, teksi-teksi, motosikal-motosikal atau scooter, basikal, basikal roda tiga dan kereta tolak; melainkan di dalam tempat letak kereta yang dikuatkuasakan dan dikhaskan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua boleh menggunakan budibicaranya untuk mengecualikan mana-mana orang daripada membayar bayaran yang ditetapkan di bawah jadual perintah ini.

18. (1) Tiada sesiapa pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta.

Penghalangan
dan penjualan.

(2) Seseorang atendan letak kereta atau mana-mana Pegawai-pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan apa-apa jua benda yang menyebabkan penghalangan yang tersebut dan pemunya benda itu boleh, dalam tempoh (21) hari dari pengalihan itu, menuntut benda itu daripada simpanan Majlis selepas dibayar pada Majlis perbelanjaan mengalihkan dan menyimpan benda yang tersebut itu.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa menjualkan benda-benda yang tersebut di atas jika benda itu dari jenis yang mudah rosak dan menjualkan benda yang tahan lama selepas tempoh (21) hari dan hasil dari penjualan itu hendaklah dipulangkan kepada pemunya setelah ditolak sewa kos yang berkaitan dengan penjualan yang disebutkan itu jika sekiranya pemunya benda itu tidak dapat dipastikan hasil yang disebutkan itu bolehlah dimasukkan, kepada hasil Majlis selepas 3 bulan dari tarikh penjualan itu.

Simpanan khas.

(4) Majlis tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada mana-mana benda itu dalam masa mengalihnya dan semasa di dalam jagaan Majlis.

Simpanan
khas petak
khas.

19. (1) Tiada seseorang pun yang di dalam penjagaan suatu kereta boleh meletakkan kereta itu di dalam petak letak kereta yang dikhaskan untuk mana kenderaan lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

20. (1) Jika sebuah kereta motor lain daripada kereta motor baginya suatu tiket letak kereta musim dikeluarkan, telah terus ditinggalkan ditempat letak kereta selama lebih daripada 2 hari, maka Majlis boleh mengarahkan kereta itu dialihkan dari tempat letak kereta itu ke suatu tempat yang selamat dan ditahan di situ sehingga dilepaskan dengan perintah Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh menahan kereta motor itu sehingga bayaran yang ditetapkan bagi tempoh kereta itu diletakkan dalam petak letak kereta sehingga masa kereta itu dialih dan segala perbelanjaan lain yang menasabah yang dikeluarkan bagi melaksanakan peruntukan perintah ini telah dijelaskan pada majlis.

(3) Majlis tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan kepada kereta motor itu atau atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau kandungan mana-mana kereta motor itu yang dialihkan atau ditahan oleh Majlis di bawah peruntukan perintah ini.

(4) Apabila sesuatu kenderaan ditahan mengikut peruntukan perintah ini, Majlis hendaklah dengan cara yang menasabah memberi notis bertulis kepada pemunya berkenaan, jika nama dan alamat pemunya itu diketahui, berkenaan penahanan kenderaan itu tidak dituntut oleh pemunya dalam masa (3) bulan dari tarikh ianya ditahan, Majlis boleh menjual secara lelong awam atau dengan cara lain melupuskan kenderaan itu dan boleh menggunakan hasilnya, jika ada, daripada penjualan atau pelupusan kenderaan itu:

- (a) untuk membayar mana-mana lesen kenderaan yang masih ditanggung mengenai kenderaan itu;
- (b) untuk membayar mana-mana perbelanjaan yang dikeluarkan untuk melaksanakan peruntukan perintah ini; atau
- (c) untuk membayar mana-mana kerosakan kepada harta-harta kerajaan atau pihak berkuasa tempatan oleh penyalahgunaan kenderaan itu;
- (d) dan mana-mana wang lebihan baki berkenaan hendaklah dikreditkan kepada Majlis selepas 12 bulan dari tarikh penjualan atau pelupusan tersebut jika tidak dituntut oleh pemunya kenderaan itu.

- Kenderaan yang diletakkan
- Melanggar perintah ini boleh ditahan.
- Dilarang berdagang dan sebagainya di tempat letak kereta.
- Dilarang membaiki kenderaan.
- Dilarang mencuci dan sebagainya kereta motor.
- Orang-orang yang dibenarkan berada di tempat letak kereta.
- Dilarang mengalih resit atau peringatan makluman.
21. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa bagi maksud yang demikian boleh:
- (a) menahan daripada bergerak sesebuah kenderaan yang diletakkan melanggar ini dengan menggunakan alat yang dianggap sesuai oleh Majlis; atau
- (b) mengalih untuk ditahan kenderaan itu ke suatu tempat yang dianggap sesuai oleh Majlis.
- (2) Tiada sesiapa boleh kecuali diberi kuasa oleh Majlis untuk membuka atau merosakkan alat seperti tersebut di perenggan kecil 1(a).
- (3) Sesebuah kenderaan yang telah ditahan dari bergerak atau dialih mengikut peruntukan yang dinyatakan terdahulu di perenggan kecil (1) (a) ini tidak boleh dilepaskan kepada pemandu atau sesiapa yang menguasainya sehingga dijelaskan kepada Majlis bayaran sebanyak tidak melebihi satu ratus ringgit (\$100.00) dan lain-lain perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bersabit dengan penahanan atau pengalihan kenderaan tersebut.
- (4) Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas apa-apa kerosakan pada sesebuah kenderaan yang ditahan daripada bergerak atau dialih sama ada kerosakan itu berlaku semasa atau selepas kenderaan itu ditahan daripada bergerak atau dialih.
22. Tiada sesiapa boleh menggunakan mana-mana kereta motor yang diletakkan dalam petak letak kereta atau mana-mana kenderaan yang bergerak di dalam tempat letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan perniagaan atau kegiatan lain di situ.
23. Tiada sesiapa pun boleh membaiki atau membenarkan diperbaiki sesebuah kenderaan di tempat letak kereta kecuali pembaikkannya adalah perlu untuk membolehkan kereta itu dialih daripada tempat letak kereta itu.
24. Tiada sesiapa pun boleh mencuci, membersihkan atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan di dalam petak letak kereta.
25. Tiada sesiapa pun kecuali seorang atendan letak kereta atau pegawai-pegawai Majlis yang diberi kuasa atau tuan punya kereta, pemandu atau penumpang sesebuah kereta motor yang diletakkan di dalam petak letak kereta boleh berada atau tunggu di tempat letak kereta.
26. Tiada sesiapa pun kecuali seseorang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengalih atau menyebabkan dialih mana-mana resit atau peringatan makluman yang dikeluarkan oleh seseorang atendan letak kereta dan yang ditampalkan pada cermin depan atau mana-mana bahagian lain kereta motor yang mudah dilihat semasa kereta itu terletak di mana-mana petak letak kereta.

27. Majlis hendaklah mengadakan suatu atau beberapa papan tanda di tiap-tiap suatu tempat letak kereta menunjukkan sama ada tempat itu tempat letak kereta musim, tempat letak kereta sepanjang hari, atau tempat letak kereta mengikut kiraan jam dan boleh mendirikan apa-apa tanda dan isyarat sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengarah atau mengatur kereta-kereta motor dalam kawasan tempat letak kereta itu. Mengadakan papan tanda.
28. Dalam mana-mana kecemasan, sesiapa jua yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Majlis atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih mana-mana kereta motor yang ditinggalkan dalam mana-mana petak letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkan perlu. Kecemasan.
29. Sesiapa jua yang menghalang, mencederakan atau menggunakan bahasa-bahasa kotor kepada Yang Dipertua, atau mana-mana atendan letak kereta yang sedang menjalankan tugas mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta adalah melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit (\$500.00) atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Hukumnya menghalang pegawai menjalankan tugas.
30. Sesiapa jua yang melanggar mana-mana peruntukan perintah ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit (\$500.00) dan selain dari itu hendaklah membayar kepada Majlis apa-apa surcaj yang terhutang dan mana-mana caj yang perlu dibayar di bawah peruntukan Perintah ini. Hukumnya.
31. Dalam hal-hal mengenai mana-mana pelanggaran atau mana-mana kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan perintah ini, pemilik berdaftar kereta motor itu hendaklah dianggap sebagai telah melanggar atau gagal untuk mematuhi peruntukan itu jika orang (yang bukan pemilik berdaftar) yang sebenarnya melanggar atau gagal untuk mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dapat dijumpai. Tanggungjawab tuan-tuan punya.
32. Yang Dipertua boleh dengan menggunakan budibicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan terhadap perintah ini dengan mengutip daripada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu wang denda sejumlah tidak melebihi satu ratus ringgit (\$100.00). Kuasa Yang Dipertua mengkompaun.
33. Majlis tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan atau kepada mana-mana kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan yang terletak di mana-mana tempat letak kereta. Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan.
34. Majlis boleh menambih, mengubah atau membatalkan keseluruhan atau sebahagiannya Jadual ini mengikut yang difikirkan perlu. Majlis boleh menambih, mengubah atau membatalkan Jadual.

JADUAL

<i>Kawasan</i>	<i>Bayaran Letak Kereta Yang Dikenakan</i>	<i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	<i>Waktu Tertawal</i>
Mana-mana jalan, panjang jalan, lorong, lorong belakang, medan, lorong kecil @ tempat di dalam seluruh wilayah/ kawasan " yang di-tafsirkan dahulu - nya sebagai kawasan Majlis Banderan Kulim dan termasuklah tempat letak kereta yang didirikan dan diselenggarakan oleh Majlis.	(a) Tidak melebihi \$1.00 sejam atau sebahagian daripadanya.	(a) Letak kereta ikut kiraan jam.	Sila lihat NOTA "A"
	(b) Tidak melebihi \$5.00 sehari.	(b) Letak kereta sepanjang hari.	
	(c) Tidak melebihi \$100.00 sebulan.	(c) Letak kereta bermusim.	Sila lihat NOTA "B"

NOTA "A" — Hari-hari dan waktu-waktu adalah seperti yang ditentukan oleh Majlis dan seperti yang dipamerkan di dalam Papan Notis pada atau di sepanjang tempat letak kereta.

NOTA "B" — Yang Dipertua boleh dalam budibicaranya, membenarkan letak kereta bermusim, di hadapan bangunan perniagaan di mana jenis atau sifat perniagaan seperti Bank, Kilang, Motor/Tayar yang memerlukan peruntukan tersebut.

ROAD TRANSPORT ACT, 1987
(Act 333)

DISTRICT COUNCIL KULIM MOTOR VEHICLE
(PARKING PLACES) ORDER, 1989

In exercise of the powers conferred by Section 72 of the Road Transport Act, 1987, the District Council Kulim with the concurrence of the Minister hereby makes the following order:

1. This order may be cited as the District Council Kulim Motor Vehicle (Parking Places) Order, 1989, and shall come into force from 1st January 1990.

2. In these order unless the context otherwise requires:

